



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1959 > December > 12 > Page 5 > S'GOR AKAN MEMBUKA 8,000 EKAR TANAH TAHUN DEPAN



S'GOR AKAN MEMBUKA 8,000 EKAR TANAH TAHUN DEPAN

Berita Harian, 12 December 1959, Page 5

Share    

Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

S'GOR AKAN MEMBUKA 8,000 EKAR TANAH TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, Ju-
ma'at. — Pekerjaan
untuk membuka 1,800
ekar tanah di-bawah
ranchangan pembuka-
an tanah Kerajaan
Selangor untuk tahun
hadapan akan di-mu-
lakan dalam bulan
February.
Menurut ranchangan itu,
sa-jumlah 8,000 ekar ta-

nah akan di-buka oleh
Kerajaan tahun hadapan.
Menteri Besar Selangor,
Inche Abu Bakar bin Ba-
ginda memberi tahu
Berita Harian hari ini
bahawa kerana kekura-
ngan pegawai2 pengukur
tanah, kerajaan terpaksa
menjalankan ranchangan
itu sedikit demi sedikit.
Ranchangan pertama akan
di-mulakan di-Sungai Te-
kali di-daerah Ulu La-

ngat. Sa-luas 1,800 ekar
akan di-buka di-daerah
itu, kata Menteri Besar.
Sa-telah itu tanah di-Su-
ngai Selisek, Tanjong
Blanga dan Sungai Sabai
(Ulu Selangor). Sungai



Merab (Ulu Langat) dan Labu (Kuala Langat) akan di-ukor pula oleh pegawai2 pengukur tanah Kerajaan.

Daripada 8,000 ekar tanah di-bawah ranchangan itu, sa-luas 6,000 ekar akan di-tanami getah dan 2,000 ekar lagi untuk perkam-pongan.



Tiap2 keluarga mendapat enam ekar tanah getah dan dua ekar tanah untuk mendirikan k a m p o n g halaman mereka.

Soal kewangan

Kerajaan Negeri telah me-nguntokkan wang \$400,000 bagi ranchangan itu.



Petani2 yang di-pileh untuk menyertai ranchangan itu akan menerima bantuan wang, benih2 getah dan bahan2 untuk mendirikan rumah2 mereka.

Mereka akan menerima allowance sa-jumlah \$50 sa-bulan dalam masa ta-hun pertama dan kedua.

Kerajaan Negeri bermaksud membuka sa-luas 22,000 ekar tanah.

Inche Bakar berkata: "Pem-

bukaan baki tanah sa-luas 14,000 ekar itu ber-gantung pada kerja2 pem-bukaan tanah yang ber-jalan sekarang dan pada kekuatan kewangan Ke-rajaan Negeri".

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31